

MENGENAL PASTI TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TAHUN
AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI
KUALA LUMPUR DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DARI
ASPEK PENGURUSAN MODAL



ZAKIAH SHAFIE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00077676 9



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA ♦

**JUDUL : MENGENAL PASTI TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TAHUN AKHIR
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KUITTHO DALAM BIDANG
KEUSAHAWANAN DARI ASPEK PENGURUSAN MODAL**

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya : **ZAKIAH BINTI SHAFIE (HT010120)**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : **NO. 325 LORONG AMAN,**
FELDA LUBUK MERBAU,
06710 PENDANG. KEDAH.

TUAN HJ KAMARUDIN KHALID
Nama Penyelia


Tarikh : 10 / 3 / 03 .

Tarikh : 11 / 3 / 03

CATATAN :

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya/Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah Pendidikan Teknik Dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : TN. HAJI KAMARUDIN BIN KHALID
Tarikh : 11/3/03

* Potong yang tidak berkenaan

MENGENAL PASTI TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TAHUN AKHIR
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI KUITTHO DALAM BIDANG
KEUSAHAWANAN DARI ASPEK PENGURUSAN MODAL

ZAKIAH BINTI SHAFIE



Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003

“Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”



Tandatangan : 

Nama Penulis : ZAKIAH BINTI SHAFIE

Tarikh : 10/3/03.

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Bingkisan ilmu ini kutitipkan khas buat ayahanda dan bonda tersayang Haji Shafie Haji Awang

dan

Hajah Ramlah Md Isa. Doa kalian mengiringi perjuangan ku.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ahli keluarga kerana telah memberikan dorongan,

galakan serta semangat.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi teguran dan nasihat

yang berguna untuk diri ini.

Sesungguhnya kalian semua amat bermakna di dalam hidupku,

Tiada harta di dunia ini yang setara nilainya dengan bakti kalian.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi dengan limpah dan InayahNya dapat saya menyiapkan Laporan Projek Sarjana ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya iaitu Tuan Haji Kamarudin bin Khalid yang telah memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan teguran sepanjang saya menyiapkan laporan projek sarjana ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama yang menggalakan. Terutama kepada Puan Yusmarwati Yusof yang banyak memberi pendapat dan teguran yang membina dalam proses menyiapkan laporan projek sarjana ini.

Begitu juga dengan sahabat-sahabat serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menyiapkan projek sarjana ini. Segala jasa baik daripada semua pihak amat saya hargai dan Allah jugalah yang akan membalasnya. InsyaAllah.

ABSTRAK

Malaysia ialah sebuah negara membangun di dunia. Dalam proses pembangunan ini, hasrat negara untuk melahirkan bakal usahawan berjaya tidak boleh dipandang ringan. Oleh itu, pengetahuan dalam bidang keusahawanan perlu diberi perhatian dengan sewajarnya; antara aspek utama dalam keusahawanan ialah modal. Pengurusan modal yang tidak cekap menjadi punca utama kegagalan usahawan. Menyedari hakikat ini, kajian berkaitan Pengurusan Modal dijalankan ke atas 100 orang pelajar Tahun Akhir Kejuruteraan di KUiTTHO. Sampel ini dipilih kerana pelajar-pelajar ini akan menempuhi alam pekerjaan di mana mereka boleh memilih keusahawanan sebagai satu kerjaya. Walau pun mereka bukanlah pelajar dari jurusan perniagaan, namun mereka mempunyai kemahiran dalam mereka cipta produk yang boleh dikomersialkan. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pelajar-pelajar ini berminat dalam bidang keusahawanan namun masih kurang pengetahuan tentang pengurusan modal terutamanya dalam menentukan modal permulaan, pengurusan modal kerja dan cara-cara menentukan pembiayaan kewangan menggunakan kaedah jualan harian. Oleh itu, satu garis panduan Pengurusan Modal dibina untuk memberi pendedahan kepada mereka.

ABSTRACT

Malaysia is a developing country. As such entrepreneurs important role and must be serious about it. Therefore, entrepreneur should be focused especially in capital management. Inefficiency in capital management is the main factor that contributes to the failure of any business. Realizing this problem, this research on capital management has been conducted on 100 last semester students taking engineering courses in KUiTTHO. The sample is chosen as they are graduating and may choose entrepreneurship as a career. Although they're not taking business courses as their core course, they have skills in creating products that can be commercialise. Finding shows that they have enthusiasm in entrepreneurship but still lack knowledge in managing capital. Therefore, one guideline in capital management has been developed to help them pursue this endeavour.

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

JUDUL

PENGAKUAN

DEDIKASI

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

SENARAI SINGKATAN

SENARAI LAMPIRAN

i

ii

iii

iv

v

vi

vii

xi

xii

xiii

xiv

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

3

1.3 Pernyataan Masalah

4

1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kerangka Teori	11
1.6.1	Penerangan Kerangka Teori	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.7.1	Pelajar	13
1.7.2	KUiTTHO	13
1.7.3	Pengkaji	14
1.7.4	Masyarakat	14
1.8	Batasan Kajian/Skop Kajian	14
1.9	Definisi Istilah	15
1.9.1	Keusahawanan	15
1.9.2	Modal	16
1.9.3	Modal Permulaan	16
1.9.4	Modal Pusingan	16
1.9.5	Pengurusan Modal Kerja	17
1.9.6	Harta Tetap	17
1.9.7	Harta Semasa	17

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	18
2.2	Minat Di Dalam Bidang Keusahawanan	19
2.3	Kurang Pengetahuan Tentang Modal	23
2.4	Kesukaran Mendapat Kemudahan Pinjaman	29
2.5	Pembiayaan Kembali Modal	31
2.6	Pengurusan Projek dan Modal Kerja	34

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	37
3.2	Rekabentuk Kajian	37
3.3	Responden Dan Sumber Data	38
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Prosedur Kajian	41
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	42
3.7	Kaedah Pengkajian	42
3.8	Analisis Data	43

BAB IV ANALISIS DATA DAN HASIL DAPATAN

4.1	Pengenalan	44
4.2	Latar Belakang Responden	45
4.2.1	Jantina	47
4.2.2	Kursus	47
4.2.3	Bangsa	48
4.2.4	Umur	49
4.2.5	Pekerjaan Ibu Bapa	49
4.3	Analisis Min Minat Responden Dalam Bidang Keusahawanan	50
4.4	Analisis Min Cara-cara Dalam Menentukan Modal Permulaan	52
4.5	Analisis Min dan Purata Peratusan Cara-cara Mengendalikan Modal Kerja Dengan Cepak	56
4.6	Analisis Min dan Purata Peratusan Cara-cara Menentukan Keperluan Kewangan Mengikut Kaedah Jualan Haria	59



BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	62
5.2	Ringkasan Kajian	63
5.3	Perbincangan	63
5.3.1	Minat Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	64
5.3.2	Cara-cara Menentukan Modal Permulaan	65
5.3.3	Pengurusan Modal Kerja Dengan Cepak	66
5.3.4	Menentukan Keperluan Kewangan Mengikut Kaedah Jualan Harian	67
5.4	Kesimpulan	68
5.5	Cadangan	70
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.7	Penutup	72

BAB VI CADANGAN REKA BENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	73
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	74
6.3	Rekabentuk Produk	75
6.3.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	75
6.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	76
6.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	77
6.3.4	Dokumentasi Produk	78
6.3.5	Cadangan Pembaikan	78

BIBLIOGRAFI	79
-------------	----

LAMPIRAN	85
----------	----

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	11
3.1	Prosedur Kajian	41
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	47
4.2	Taburan Responden Mengikut Kursus	47
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	48
4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	49
4.5	Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa	50
6.1	Kronologi Pembinaan Produk	76

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bahagian Dan Item Terhadap Borang Soal Selidik	40
3.2	Kod Skala Likert	40
3.3	Skor Min Diubahsuai Daripada Wiersma	43
4.1	Maklumat Diri Responden	46
4.2	Jadual Tafsiran Min	51
4.3	Skor Min dan Purata Peratusan Bagi Tahap Minat Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	51
4.4	Skor Min dan Purata Peratusan Cara-cara Menentukan Modal Permulaan	53
4.5	Skor Min dan Purata Peratusan Cara-cara Mengenalikan Modal Kerja Dengan Cepak	57
4.6	Skor Min dan Purata Peratusan Cara-cara Menentukan Keperluan Kewangan Mengikut Kaedah Jualan Harian	60
5.1	Jadual Min Purata	64

SENARAI SINGKATAN

IKS	-	Industri Kecil dan Sederhana
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KPU	-	Kementerian Pembangunan Usahawan
MEDEC	-	Malaysian Entrepreneurship Development Centre
MPSM	-	Majlis Pembangunan Sumber Manusia
Pra SUS	-	Pra Skim Usahawan Siswazah



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	85
B	Hasil kajian rintis	92
C	Dapatan kajian untuk demografi	95
D	Dapatan kajian mengenai minat pelajar terhadap keusahawanan	97
E	Dapatan kajian berkaitan pengetahuan pelajar terhadap modal permulaan	99
F	Dapatan kajian berkaitan pengetahuan pelajar terhadap modal kerja	106
G	Dapatan Kajian Mengenai cara-cara menentukan Pembiayaan Kewangan Kaedah Jualan Harian.	113
H	Garis panduan	116

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan negara tidak datang dari langit. Manusia lah berperanan dan berusaha membangunkan negara. Pembangunan negara, khususnya ekonomi bergantung kepada manusia, ini kerana manusia adalah makhluk yang dianugerah akal dan fikiran untuk menguruskan segala bentuk ekonomi. Manusia ini adalah usahawan iaitu seseorang yang merancang, mengurus, menyelenggara dan melaksanakan usaha-usaha yang berhubung kait dengan ekonomi; khususnya mereka yang mengelola, memiliki, mengurus dan berkeupayaan menghadapi risiko, rintangan, saingan serta apa juga cabaran di dalam dunia keusahawanan. Selain daripada itu, usahawan juga bersedia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti perusahaan ataupun perniagaan dengan memikul tanggungjawab sepenuhnya serta berkemampuan untuk menghadapi segala risiko dan sentiasa mencuba sesuatu yang baru untuk memenuhi kehendak dan keperluan manusia lain. Inilah peranan utama yang dibawa oleh seorang yang bergelar usahawan.

Menurut Schumpeter dan Marshall dalam MEDEC, usahawan adalah seseorang yang berinovatif, dapat membahagikan dan menguruskan faktor-faktor pengeluaran dan menanggung risiko. Tahap keupayaan pengurusan, ketinggian daya inovasi, kecekapan menghitung risiko, kecepatan mencekup peluang-peluang dan kepintaran membuat keputusan.

Beberapa manfaat daripada keusahawanan boleh menyumbang terhadap pembangunan. Implikasi daripada pembangunan ialah kehidupan yang selesa. Rezeki yang mencukupi dan melebihi menyumbang ke arah kehidupan dan kemakmuran bersama. Keusahawanan menggembeleng dan menggunakan sumber-sumber untuk menyumbang produktiviti kebangsaan, membantu ke arah pengagihan pendapatan yang lebih saksama dan juga membawa kebaikan sosial melalui pengembalian sejumlah pendapatan kepada negara dalam bentuk pengembalian wajib mahu pun sukarela.

Usahawan hendaklah berpegang kepada prinsip bahawa dunia hari ini bukan milik mereka tetapi dipinjamkan oleh generasi yang akan datang untuk mereka bangunkan. Oleh itu, mereka hendaklah pastikan bahawa kegiatan mereka mampu meningkatkan kesejahteraan kepada pelbagai pihak untuk jangka pendek dan jangka panjang. Masyarakat yang terbaik adalah masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan.

Di Malaysia, budaya keusahawanan ini bertambah kritikal lagi di kala Malaysia hendak melangkah pantas menuju status negara maju *par-excellence* pada masa depan. Matlamat utama seseorang itu, melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan adalah untuk menjadi usahawan yang berjaya. Peter Drucker dalam MEDEC mendefinisikan usahawan ialah seorang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi daripada sektor yang kurang daya produktivitinya ke sektor yang lebih tinggi daya produktivitinya Barjoi, (2000).

1.2 Latar Belakang Kajian

Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah penting bagi setiap usahawan yang inginkan kejayaan. Dalam era globalisasi dan dunia informasi, usahawan perlu mempunyai pelbagai kemahiran bagi membolehkannya mencapai kejayaan. Bagaimanapun, masih terdapat usahawan yang gagal melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk mempertahankan perniagaan mereka serta bersaing dengan usahawan lain. Justeru itu, ramai usahawan tidak dapat bertahan lama terutamanya semasa negara dilanda krisis kewangan pada tahun 1997.

Usahawan boleh berjaya dalam bidang perniagaan sekiranya memiliki resipi kejayaan yang diperlukan. Ilmu pengetahuan, kemahiran dan maklumat adalah resepi utama untuk mencapai kejayaan dan malah lebih penting daripada sumber-sumber pengeluaran seperti tanah, modal dan buruh. Tanpa ilmu pengetahuan, kemahiran dan maklumat, usahawan tidak berupaya mengolah sumber-sumber pengeluaran untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan dengan cekap dan pada harga yang kompetitif. Di samping itu, usahawan juga memerlukan kualiti yang lain untuk maju dalam bidang perniagaan. Ini termasuklah pengalaman, kerajinan, cara bekerja yang positif, perangkaian dan keberanian mengambil risiko.

Pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam melahirkan usahawan. Selain daripada itu, banyak juga institusi-institusi pengajian tinggi menawarkan bidang keusahawanan sebagai satu kursus bagi pelajar mengetahui selok belok perniagaan. Namun begitu bagi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang sepenuhnya mengeluarkan jurutera-jurutera yang mempunyai kemahiran yang tinggi bertepatan dengan misi dan visi KUiTTHO itu sendiri iaitu melahirkan jurutera yang

mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi sejajar dengan pembangunan negara dalam menuju era globalisasi. Bagi membantu pelajar-pelajar terbabit, beberapa usaha dijalankan oleh kerajaan dan pihak swasta, contohnya Kementerian Pembangunan Usahawan yang melaksanakan program Pra Skim Usahawan Siswazah (Pra-sus) bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Melalui program yang dijalankan pelajar akan diberikan latihan dalam bidang keusahawanan dan galakan untuk menyusun rancangan perniagaan mereka masing-masing sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Latihan asas yang disediakan di bawah program Pra-SUS mencakupi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat.

Untuk memberi pendedahan kepada pelajar tersebut garis panduan keusahawanan dibina untuk menerangkan serba sedikit berkaitan dengan modal untuk dijadikan rujukan kepada mereka jika mereka berhasrat untuk menceburi bidang keusahawanan apabila mereka tamat pengajian nanti. Ini kerana, tidak ada mata pelajaran pengurusan modal diajar di sepanjang kursus pengajian mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Yep Putih di dalam Abd Aziz (1999) pula telah menghuraikan sebab-sebab usahawan diperlukan oleh sesebuah masyarakat. Di antaranya ialah, cara-cara untuk menyatukan tenaga manusia dengan modal dan tanah bagi menghasilkan kerja dengan secepat-cekapnya, melihat dan mengenal pasti peluang-peluang dan kegiatan yang sesuai dengan keadaan tenaga kerja, alat kemudahan serta kawasan di sekitarnya bagi menghasilkan pendapatan atau keuntungan yang halal dan lumayan, meneliti teknik

dan kaedah yang baik bagi mentadbir dan menguruskan usaha-usaha yang telah diwujudkan supaya berjalan lancar dan berkembang maju dari masa ke semasa.

Seperti yang disebut tadi, keusahawanan merupakan salah satu pemangkin utama yang menankas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Dalam era globalisasi dan siber maya pada alaf baru ini, fungsi keusahawanan dan sumbangan golongan usahawan dalam pembangunan masyarakat adalah amat penting. Daya saing sesebuah negara itu juga ditentukan oleh semangat di negara tersebut. Linamen di dalam Abd Aziz (1999) seterusnya berkata usahawan merupakan individu paling dinamik dan inovatif. Mereka sedia untuk berhadapan dengan ketidaktentuan melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Semangat ini telah menyebabkan mereka melihat hari esok dengan penuh keyakinan. Mc Doughall di dalam Abd Aziz (1999) pula menyatakan industri kecil merupakan kunci utama kepada pembangunan ekonomi dan sosial dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, usahawan perlu menceburi bidang baru bagi meningkat daya saing dan memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna. Selanjutnya beliau menambah :-

“the Entrepreneur will accelerate the advancement and dissemination of new technologies, simultaneously enhancing national security and quality of life...”

Golongan usahawan memainkan peranan utama dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya inovasi sesebuah negara. Malah mereka juga dianggap sebagai pemangkin dan pemacu terpenting dalam proses pembangunan sesebuah masyarakat. Justeru itu, pihak kerajaan telah memberi tumpuan khusus kepada pembangunan usahawan melalui pelbagai strategi dan program yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang sedia ada.

Pembentukan usahawan perlu melalui proses-proses sistematik dan terancang menghujahkan kejayaan program-program pembangunan usahawan. Sokongan-sokongan daripada kerajaan melalui peruntukan insentif-insentif, bantuan khidmat nasihat atau runding cara dan juga melalui bantuan agensi-agensi sokongan.

Menurut Pengurus Pajar Tuah Sdn. Bhd. Azman Abdullah, banyak sektor swasta menawarkan bantuan kepada usahawan dalam menjalankan kegiatan mereka. Mereka boleh mendapatkan bantuan samada ingin memulakan perniagaan atau berdepan dengan masalah seperti masalah kewangan, mendapatkan tender dan peluang untuk memperkembangkan perniagaan. Selain daripada itu, semua jabatan di Kementerian Sumber Manusia termasuk badan berkanun seperti Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) dan Perkeso, diarah menyediakan program perniagaan bagi mempertingkatkan kemahiran pekerja. Kementerian ini juga menjadi penggerak kepada semua pekerja termasuk di sektor swasta dalam usaha melahirkan pekerja berpengetahuan dan berkemahiran, termasuk dalam teknologi maklumat (Berita Harian, 19 Oktober 2000).

Walaupun pelbagai pihak tampil untuk memberi pendedahan dan bantuan kepada golongan usahawan, kejayaan sesebuah perusahaan itu bergantung sepenuhnya ke atas usahawan itu sendiri.

Dalam memilih bentuk perusahaan yang ingin dijalankan terdapat beberapa struktur yang bakal dipilih antaranya ialah modal yang hendak dilaburkan. Usahawan perlu bijak merancang dalam menentukan jumlah modal yang ingin dikeluarkan untuk sesuatu projek.

Menurut laporan MEDEC (2000) salah satu punca utama kegagalan usahawan ialah tidak dapat menguruskan modal perniagaan dengan baik. Inilah yang menyekat usahawan untuk menapak dengan lebih selesa bersaing dengan industri-industri yang datang dari luar.

Menurut Wan Liz Ozman dan Sulzari (2002) masalah kekurangan kewangan merupakan masalah lumrah yang dihadapi oleh para pengusaha walaupun terdapat pelbagai kemudahan pinjaman yang boleh diberikan oleh agensi-agensi kerajaan dan bank. Hal ini disebabkan para pengusaha tidak mempunyai cagaran yang cukup dan kemampuan untuk membayar balik pinjaman yang tidak meyakinkan.

Pada kebiasaannya usahawan mengeluarkan wang sendiri sebagai modal permulaan untuk perusahaan, selain itu usahawan juga menggunakan kemudahan pinjaman yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan juga penyumbang-penyumbang modal yang terdiri daripada orang ramai. Penyumbang-penyumbang modal ini memerlukan maklumat yang lengkap dan kemahiran dalam menguruskan perusahaan terutamanya di dalam bidang berteknologi tinggi.

Sebenarnya terdapat beberapa masalah dalam pembangunan usahawan. Walaupun mereka mempunyai semangat niaga yang tinggi tetapi mereka menghadapi masalah modal permulaan, kurang kemahiran dalam bidang perniagaan atau perusahaan baru kerana tiada keupayaan teknologi dan pemasaran. Ini menyebabkan pembentukan usahawan tidak begitu membanggakan kerana kekurangan modal dan kepakaran dalam bidang yang diceburi.

Menurut Rima, Ingrid H. (2002)

“venture capitalists use credit from traditional financial institutions and are in this sense suppliers of financial intermediation services especially in ‘steering’ firms that work with new technology. Typically, venture capital organizations are limited partnership that work that provide funding to high risk privately held companies, providing specialized skills that relate to organizing, managing, and the development of marketing strategies”

Ini bermakna usahawan perlu mempunyai kemahiran yang tinggi terutamanya di dalam bidang teknologi untuk mendapatkan pinjaman yang mudah daripada pemodal. Terutamanya dalam bidang organisasi, pengurusan dan pembangunan strategi pemasaran yang berkesan.

KUiTTHO salah sebuah institusi pengajian tinggi yang banyak mengeluarkan graduan dalam bidang kejuruteraan. Terdapat 3 bidang kejuruteraan yang ditawarkan di KUiTTHO iaitu Awam, Mekanikal dan Elektrik. Seramai 560 pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda bagi ke semua bidang kejuruteraan. Pelajar-pelajar ini banyak didedahkan dengan ilmu kejuruteraan dan mempunyai kemahiran di dalam menghasilkan sesuatu produk (berdasarkan projek semester akhir mereka). Namun begitu bidang keusahawanan masih belum lagi diperkenalkan secara formal atau tidak formal di KUiTTHO.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang keusahawanan tentang pengurusan modal khususnya dari aspek:

- i) Minat pelajar dalam bidang keusahawanan
- ii) Pengetahuan pelajar dalam menentukan modal permulaan
- iii) Pengetahuan pelajar tentang cara-cara menguruskan modal dengan cekap.
- iv) Pengetahuan berkenaan cara-cara menentukan keperluan kewangan mengikut kaedah jualan harian.

Akhirnya, pengkaji akan menyediakan garis panduan pengurusan modal dalam bidang keusahawanan kepada pelajar, pengurusan modal kerja yang cekap dan cara-cara menentukan keperluan kewangan mengikut kaedah jualan harian dengan harapan kajian ini dapat membantu para pelajar dalam menguruskan modal untuk menceburi bidang keusahawanan, seterusnya dapat meningkatkan jumlah usahawan di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian


Kajian ini dilakukan bagi menjawab :

- i) Adakah pelajar mempunyai minat dalam bidang keusahawanan?
- ii) Adakah pelajar mengetahui cara-cara dalam menentukan modal permulaan?
- iii) Adakah pelajar mengetahui cara-cara menguruskan modal kerja dengan cekap?
- iv) Adakah pelajar mengetahui cara-cara menentukan keperluan kewangan mengikut kaedah jualan harian?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Sumber (a): Sudin Haron (1992). *"Masalah Modal Dan Cara Menyelesaikannya"*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1.6.1 Penerangan Kerangka Teori

Setiap soalan kajian mempunyai prinsip yang dapat menyokong soalan kajian yang telah dibina (rujuk rajah 1.1). Prinsip yang dibuat mestilah bersesuaian dan terlebih dahulu dikenal pasti bagi membantu pelajar untuk memahami bidang keusahawanan terutamanya di dalam aspek pengurusan modal.

Pengurusan modal kerja yang cekap dapat membantu seorang usahawan itu untuk memajukan lagi perusahaan yang diusahakan. Pengurusan modal kerja ini adalah penting kerana salah satu faktor jatuh bangunnya sebuah perusahaan itu adalah bergantung kepada kecekapan menguruskan modal kerja.

Mengenalpasti kaedah yang digunakan untuk jualan harian juga penting. Memandangkan jualan adalah merupakan pendapatan bagi sesebuah perusahaan, jadi dalam merangka kaedah jualan harian yang baik dapat membantu usahawan. Kutipan jualan secara hutang mempunyai kaedah tertentu agar modal pusingan bagi perusahaan dapat bergerak dengan baik.

Berdasarkan kepada masalah-masalah tersebut pengkaji akan membuat satu garis panduan yang berkaitan dengan aspek-aspek di atas bagi memberi pengetahuan kepada usahawan dan pelajar khususnya.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Pelajar

Pelajar akan dapat memahami bidang keusahawanan melalui garis panduan ini yang akan memberi penekanan dalam aspek modal. Pelajar juga akan didedahkan bagaimana menguruskan sesebuah perusahaan seperti pusing ganti modal, pengurusan kos untuk setiap projek yang dijalankan, penilaian kewangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan modal.

1.7.2 KUiTTHO

Memandangkan KUiTTHO tidak menawarkan bidang keusahawanan waima bidang perniagaan pun, adalah baik garis panduan pengurusan modal dalam bidang keusahawanan ini diperkenalkan bagi menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan modal.

1.7.3 Pengkaji

Pengkaji dapat mengetahui senario sebenar masalah yang dihadapi oleh para usahawan yang melibatkan modal di mana para usahawan tidak dapat mengendalikannya dengan baik dan berkesan.

1.7.4 Masyarakat

Keusahawanan bukan sahaja mementingkan keuntungan malah lebih daripada itu lagi sumbangannya. Keusahawanan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat secara tidak langsung meningkatkan taraf ekonomi kepada penduduk. Selain daripada itu, ia juga dapat memenuhi keperluan masyarakat yang perlu dipenuhi. Memandangkan negara sekarang sedang membangun maka keperluan hidup amat diperlukan.

1.8 Batasan Kajian/Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan di KUiTTHO, ini adalah kerana secara akademiknya mereka langsung tidak mengetahui apa itu usahawan dan bagaimana untuk mengendalikan modal perniagaan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih aspek-aspek penting di dalam pengurusan modal kerana pengkaji menganggap bahawa aspek-aspek inilah yang menyebabkan kegagalan seseorang usahawan dalam menguruskan perniagaan.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Keusahawanan

Sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

Pengkaji berpendapat bahawa keusahawanan ialah kualiti manusia yang memberi faedah kepada diri sendiri, masyarakat dan juga kepada pembangunan ekonomi negara yang pesat.

1.9.2 Modal

Merupakan pemilikan sebuah perniagaan. Berbentuk tunai, saham atau sumbangan harta untuk perniagaan. Modal juga merupakan harta benda milik persendirian dilaburkan ke dalam perniagaan.

1.9.3 Modal Permulaan

Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh usahawan sekali sahaja iaitu lazimnya sewaktu hendak memulakan perniagaan.

1.9.4 Modal Pusingan

Jumlah yang dijangka diperlukan untuk menampung belanja operasi dan perjalanan sesebuah perniagaan. Untuk mengira jumlah ini, usahawan hendaklah mengambil kira belanja-belanja bulanan yang dibuat.

1.9.5 Pengurusan Modal Kerja

Pengurusan modal kerja ialah pengurusan terhadap sumber pembiayaan jangka pendek iaitu tanggungan semasa dan penggunaan harta semasa dalam perniagaan. Modal kerja merupakan hasil tolak harta semasa dengan tanggungan yang ditanggung oleh syarikat.

1.9.6 Harta Tetap

Merupakan harta yang digunakan untuk menjalankan perniagaan, bukan dengan tujuan untuk dijual semula dan yang paling penting mempunyai jangka hayat melebihi setahun. Contohnya tanah, bangunan, mesin, kenderaan dan lain-lain lagi.

1.9.7 Harta Semasa

Merupakan harta dalam bentuk tunai atau harta yang mudah ditukar bentuk ke bentuk tunai. Contohnya ialah pengutang dan stok. Dengan perkataan lain, harta semasa merupakan harta yang mempunyai jangka hayat yang kurang daripada setahun.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan

Usahawan yang berjaya biasanya menyediakan modal yang cukup ketika melangkah ke alam perniagaan. Oleh itu, keperluan yang timbul dapat dibeli dengan mudah. Begitu juga, jika mereka mempunyai hutang, ia boleh dijelaskan dengan segera. Ini berbeza dengan peniaga yang gagal. Golongan ini memasuki perniagaan hanya mahu bergelar “peniaga” atau lebih elok jika dipanggil “usahawan”, tetapi mereka lupa untuk menentukan berapa banyak modal yang diperlukan bagi menjalankan usahanya itu. Akibatnya, setelah membelanjakan semua simpanan, masih banyak lagi harta yang perlu dibeli. Masalah lain yang sering menjadi kekangan terhadap usahawan berkaitan dengan modal ialah kurangnya pengetahuan tentang modal, kesukaran usahawan dalam mendapatkan modal, pembiayaan semula pinjaman dan pengurusan projek.

2.2 Minat Di Dalam Bidang Keusahawanan

Minat di dalam bidang keusahawanan adalah salah satu ciri yang penting dalam melahirkan seorang usahawan yang berjaya. Daya inisiatif adalah satu daripada kompetensi keusahawanan yang paling penting. Usahawan-usahawan berjaya lazimnya mempunyai daya inisiatif yang tinggi kerana dengan daya inisiatif, usahawan tersebut mempunyai kecenderungan untuk melihat dan menganalisis sesuatu situasi atau keadaan dengan cekap.

Menurut Ab Aziz (1999) dunia keusahawanan adalah amat mencabar. Kejayaan usahawan bergantung kepada kemampuan mereka untuk mengharungi cabaran tanpa mengadaikan nilai yang telah dibangunkan. Nilai ini merupakan pegangan asas individu atau kumpulan tentang sesuatu konsep dan keyakinan terhadap sesuatu yang mengandungi kualiti moral serta diletakkan di tempat yang tinggi dalam kehidupan.

Pernyataan ini turut disokong oleh Olson et. Al (1992) yang menyatakan bahawa,

“ If an effective strategy is crucial in determining the success or failure of a business, and if one’s personal values influences that strategy then personal values may also affect whether the business succeeds or fails. This hypothesis appears particularly valid for the young, small firm in which the individual founder still holds a firm grasp on all company operation. At this stage, the entrepreneur’s personal value system seems likely to have considerable impact on the business’s overall direction as she formulates a game plan”.

Ini bermaksud seseorang usahawan perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi di dalam mengendalikan sebarang bentuk perusahaan yang berjaya. Nilai-nilai positif di dalam diri seseorang juga akan mempengaruhi corak kerja dalam membentuk diri usahawan sebenar.

Selain daripada Olson et. Al, Gasse dalam MEDEC (1990) juga menyokong pendapat di atas bahawa strategi di dalam bidang keusahawanan adalah penting, ini adalah kerana perancangan yang diatur mempunyai strategi-strategi tertentu dalam meningkatkan kejayaan usahawan itu. Personaliti dan tingkah laku yang baik juga adalah penting untuk gambaran yang jelas bahawa usahawan ini boleh dipercayai. Menurut Gasse dalam MEDEC (1990), sikap keusahawanan atau kecenderungan ke arah keusahawanan sebenarnya telah dipengaruhi oleh nilai-nilai hidup seseorang itu. Nilai-nilai hidup ialah satu set kepercayaan terhadap pelbagai aspek persekitaran seseorang dan akan mempengaruhi pemikiran seseorang. Usahawan juga perlu mengambil kira keperluan masyarakat kerana idea-idea yang timbul di dalam membuat sesuatu perusahaan atau berpunca daripada permintaan masyarakat. Adalah menjadi tanggungjawab usahawan untuk memenuhi keperluan tersebut. Tanggungjawab ini juga merupakan nilai hidup yang perlu ada pada usahawan.

Usahawan juga merupakan orang yang menjana kepada pertumbuhan ekonomi. Mereka sanggup menanggung risiko kerana minat mereka yang begitu mendalam dalam bidang keusahawanan. Ini disokong oleh Wu dan Shin Yen (2000) yang menyatakan bahawa,

“Entrepreneurs owe their existence to the presence of the market uncertainties. These uncertainties cause the market to be incomplete which, in turn, destroys the market’s ability to coordinate production.

Entrepreneurs rise to organize production by assuming a part of the allocative role. They not only make decisions to convert inputs into outputs in a creative manner or produce goods which give more satisfaction to the consumer, they also create markets to bring buyers and sellers together”.

Seorang usahawan juga perlu bijak merebut peluang yang ada. Seseorang usahawan itu lahir berdasarkan kepada minat yang ada di dalam diri. Minat di dalam bidang keusahawanan diiringi dengan bijak di dalam mengendalikan perusahaan merupakan satu pakej yang baik untuk menjadi seorang usahawan berjaya kerana usahawan yang bijak mencari peluang akan mendapatkan idea-idea baru di dalam persekitaran yang diduduki. Pernyataan ini disokong oleh Wu dan Shin Yen (2000)

“entrepreneurs seek out market opportunities that others do not see, and devise plans and strategies to exploit these opportunities in an uncertain market environment. They play a role complementary to the market. Their services are never routine and, therefore, cannot be bought and sold in the factor market.”

Usahawan tidak akan melepaskan peluang yang datang. Mereka akan menggunakan sebaik mungkin peluang yang ada untuk mendapatkan hasil yang baik. Usahawan juga lebih cenderung untuk mencuba dan merebut sebanyak mungkin pasaran masa kini tanpa unjuran masa depan yang konkrit seperti yang telah ditegaskan oleh Omar dan Abdul Razak (1999) iaitu:

“Companies throw into the marketplace as many half-baked ideas as they can, hoping to get lucky. Typically, strategic focus goes out of the window because, in desperation, companies pursue every perceived business opportunities. Their effort were not spread all over the map, they followed a well-defined strategic direction.”

Perancangan pengembangan yang sistematis dan strategik amat penting dalam memastikan agar syarikat mampu untuk bersaing dengan pesaing-pesaing agar lebih efektif serta mengurangkan risiko dalam dunia perniagaan.

Selain daripada itu, Ahmad (1999) juga berpendapat bahawa usahawan yang dedikasi sebenarnya mempunyai tiga elemen yang penting dan bersangkutan-paut. Tiga elemen tersebut ialah sikap, pemikiran dan ilmu. Ketiga-tiga elemen ini jika digunakan dengan baik serta penuh dengan daya kreativiti ia pasti menjadi satu idea cadangan dan langkah yang dapat mengatasi masalah dan menyumbang ke arah kemajuan perniagaan.

Oleh itu, pengetahuan dalam bidang keusahawanan adalah penting. Usahawan perlu melengkapkan diri sebelum melangkah jauh dalam dunia perniagaan. Bagi melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan, usahawan perlu banyak membaca buku-buku dan mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan keusahawanan ia secara tidak langsung menambahkan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan. Dapatan kajian ini juga mendapat sokongan daripada Sabitha Marican dan Mahmood Nazar (1994) dan Maznah (1999), pada tahap permulaan lagi, beberapa kursus-kursus motivasi dan bina diri perlu diberikan kepada usahawan agar ia dapat sedikit sebanyak ke arah tujuan sebenar. Ringkasnya usahawan adalah seorang yang mengamalkan sikap ketekunan dalam melaksanakan kerja. Mereka ada keyakinan diri kepada apa yang dihayati serta keupayaan meletakkan arah destinasi yang dituju.

Kreativiti beriringan dengan disiplin adalah unsur utama dalam perniagaan. Kreativiti juga membuatkan perniagaan yang kita usahakan berbeza dari pihak lain. Disiplin pula ialah unsur yang memastikan semua kerja berkreativiti itu dapat diuruskan dan diselenggarakan dengan jayanya. Usahawan yang mempunyai daya kreativiti yang baik, berfikiran mendalam, tidak mudah berputus asa serta berdisiplin adalah usahawan

yang penuh dengan cita-cita dan merupakan aset bernilai kepada pembangunan ekonomi negara.

2.3 Kurang Pengetahuan Tentang Modal

Apabila seseorang bercadang untuk memulakan perniagaan, pertamanya dia mestilah menganggarkan jumlah wang yang diperlukan untuk menjalankan perniagaannya. Wang penting untuk mendapatkan alat-alat, kemudahan dan stok barang dagangan. Menurut Barjoyai (2000) dan Sudin (1990), jumlah modal bergantung pada jenis perniagaan yang hendak dijalankan. Ini adalah kerana jika perniagaan yang melibatkan peralatan yang banyak maka lebih banyaklah modal yang diperlukan. Modal yang besar memungkinkan usahawan untuk memiliki peralatan perusahaan dengan lebih baik lagi. Jika usahawan ingin memulakan perusahaan modal awal adalah penting. Selepas itu usahawan perlu pula bijak merancang untuk modal pusingan. Modal pusingan ini digunakan untuk menjanakan projek-projek perusahaan yang akan datang.

Perbelanjaan modal adalah wang tunai yang dikeluarkan oleh syarikat atau usahawan untuk membeli harta tetap ketika mahu memulakan perniagaan atau semasa perniagaan sedang beroperasi. Kebiasaannya modal yang diperolehi oleh usahawan akan digunakan dalam membeli aset tetap kepada perusahaan. Aset tetap tadi akan menjana semula modal pusingan melalui projek-projek yang dilakukan oleh usahawan.

Menurut Murad (1996), apabila peniaga mempunyai modal yang cukup, usahawan dapat memenuhi segala permintaan yang dibuat oleh pelanggan. Modal permulaan yang mencukupi juga membuat usahawan dapat memberikan syarat-syarat kredit yang lebih menarik kepada pelanggan. Strategi ini juga dapat menambahkan jualan dan seterusnya keuntungan.

Ramai orang berpendapat permulaan bagi apa juga usaha ialah wang sehingga terkeluar ungkapan 'ada wang semua kerja menjadi'. Pada satu titik masa, sesuatu perniagaan boleh diibaratkan sebagai satu kumpulan dana. Menurut Madznah (1994), dana ini datangnya daripada pelbagai sumber iaitu dari pelabur-pelabur yang memegang saham syarikat, dari pemiutang yang meminjamkan wang dan juga perolehan yang didapati dari perniagaan yang sedang berjalan.

Menurut Rudy (1998), modal awal biasanya digunakan untuk membeli aset-aset tetap yang boleh mengeluarkan barangan atau perkhidmatan, barang-barang inventori, bahan mentah yang digunakan dalam pengeluaran dan inventori untuk jualan.

Usahawan mempunyai tanggungjawab yang besar iaitu menentukan jumlah modal yang sepatutnya dimiliki oleh perniagaan dan menentukan pusingan operasi modal itu berkembang. Selain daripada itu pengagihan modal yang efisien untuk aset-aset tertentu dan mewujudkan dana dengan cara yang memuaskan iaitu menentukan komposisi liabiliti (contohnya overdraf, pi penghutang, pinjaman bank dan lain-lain) yang mewujudkan dana berkenaan.

Oleh itu, pengurusan modal permulaan menentukan jatuh bangunnya perniagaan tersebut. Perancangan yang teliti perlu dibuat terlebih dahulu sebelum membelanjakan

BIBLIOGRAFI

Ab. Aziz Yusof (1998). "Asas-asas Keusahawanan." Petaling Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd. 88-89

Ahmad Ezanee (1999). "Pemikiran Positif Bantu Kejayaan Usahawan." Majalah Infoniaga Mac-April 1999. 34.

Akmal Abdul Manap (1995). "Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana Masalah Dan Prospek: Kajian Kes Di Negeri Melaka." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Albert V. Bruno and Tyzoon T. Tyebjee (1985). "The Entrepreneur's Search For Capital." *Journal of Business Venturing*. 1, 61-74.

Ayob Samad (1996). "Masalah Usahawan Bumiputera Dalam Perkembangan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB): Kajian Kes di Alor Gajah Melaka." Universiti Utara Malaysia. Tesis Sarjana.

Bahaziah Mohd. Sidek (1996). "Faktor-faktor Yang Menjadi Halangan Pembiayaan Kewangan IKS. Kawasan Mergong Alor Setar, Kedah." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 144-148.

Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz Md. Salleh (2000). "Peluang Perniagaan." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 128-129.

Daniel M. Cable and Scott Shane (1997). "A Prisoner's Dilemma Approach To Entrepreneur-Venture Capitalist Relationships." *Academy of Management Review*. Vol.22, No 1, 142-176.

Elly Hariaty Hashim (1996). "Analisis Kredit Yang Digunakan Oleh Bank Pembangunan (M) Berhad Bagi Meluluskan Pinjaman Pengusaha IKS." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Habrizah Hussein (1998). "Sumber-sumber Untuk Pembangunan Usahawan: Kewangan, Teknologi Dan Perkhidmatan Sokongan." *International Seminar On Entrepreneurship Development For Rural Women And Poverty Alleviation*. 24-25 August 1998.

Kamarul Ariffin Samsudin (1996). "Faktor-faktor Utama Yang Mempengaruhi Cara Pembiayaan Perniagaan Kecil: Kajian Kes Di Kawasan Bagan Serai, Perak." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Madznah Al-Samarraie (1994). "Gagal Kuasai Wang Punca Kejatuhan IKS." *Majalah Usahawan Malaysia*. November-Disember 1994.

Mahathir Mohamad (1992). "Panduan Peniaga Kecil." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. 16-21.

Mahathir Mohamad, (2000, Ogos 4). Prosper wujud Hasil Idea Dr. Mahathir, Berita Harian

Maznah Hamid (1994). "Motivasi Memburu Kejayaan." Kuala Lumpur: Maznah Motivational Centre. 212.

MEDEC (1990). "Asas Keusahawanan." Shah Alam: Institut Teknologi Mara. 354-356.

Miller D.M (1991). "The Meaningful Interpretation Of Financial Statement." London: Kogan Page. 103-105.

Mohamad Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 147-148.

Mohamad Najib Abd. Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 151-153.

Mohamed Nazri Abdul Aziz (2000, November 15). "Pra SUS Latih Pelajar Ceburi Perniagaan", Berita Harian.

Mohd Amran Ibrahim (1996). "Kesedaran Terhadap Amalan Pengurusan Risiko: Satu Kajian Di Kalangan Pengusaha IKS Di Kedah." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Mohd Khair Uzzaman Md Nor (1996). "Keberkesanan Skim Bantuan Modal IKS: Kajian Kes Di IKS Bumiputera Seliaan Keda." Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

Murad Jailani (1996). "Pakej Pinjaman BIMB Lenyapkan Masalah Modal." *Majalah Usahawan Malaysia*. Mei – Jun 1996.

Olson, Shirley. F, Currie.H.M (1992). "Female Entrepreneurs: Personal Value Systems And Business Strategies In A Male-Dominated Industry." *Journal Of Small Business*, Vol. 30, Issue 1, p49.

Omar dan Abdul Razak (1999). "Menjaring Usahawan Bumiputera." Cheras: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd. 154-156.

Richard T. Harrison and Colin M. Mason (1996). "Informal Venture Capital." London: Prentice Hall. 3-6.

Rima.IH (2002). "Venture Capitalist Financing: Contemporary Foundations For Minsky's Wall Street Perspective." *Journal of Economic Issues*, Vol. 36 Issues 2, p407.

Rohaizat Baharun (1996). "Tiada Daya Saing Punca Usahawan Gagal." *Majalah Usahawan Malaysia*. Mei – Jun 1996.

Rudy AS (1998). "Tabung Usahawan Kecil Untuk Modal Pusingan." *Majalah Usahawan Malaysia*. September – Oktober 1998.

Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994). "Usahawan Wanita: Bagaimana Meningkatkan Prestasi?." *Majalah Usahawan*. Mei – Jun 1994. 27.

Schloss.P.J dan Smith M.A (1999). "Conducting Research." London: Prentice Hall. 106.

Shaari Isa (2001). "Perakaunan Awalan." Petaling Jaya: Prentice Hall. 365-367.

Siti Maimon Kamso (1990). "Koleksi Petua Niaga." Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd. 60-61.

Sudin Haron (1992). "Masalah Modal Dan Cara Menyelesaikannya." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 8-13.

Sudin Haron and BalaShanmugum (1994). "Lending to Small Business In Malaysia." Journal of Small Business Management. Vol. 32 Issue 4. 48.

Uma Sekaran (2000). "Research Methods For Business." New York: John Wiley & Sons, Inc. 144.

Wan Liz Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamed (2002). "Memperkasakan Usahawan." Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 143-148.

Wiersma And William (1995). "Research Method In Education: An Introduction." Cetakan Keenam. Massachusetts: Allyn And Bacon: Needham Height. 152-156.

William A. Cohen (1989). "The Entrepreneur And Small Business Financial Problem Solver." United State: John Wiley & Sons, Inc. 29-32

William E. Wetzel Jr and John Freear (2000). "Promoting Informal Venture Capital In United State: Reflections On The History Of The Venture Capital Network." Dlm. Paul Westhesd and Mike Wright. "Advances In Entrepreneurship Volume I." UK: Edward Elgar Publishing Limited. 61-71

Wu and Shin.Y (2000). "On The Changing Nature Of Entrepreneurship." International Review of Sociology, Vol. 10 Issue 1, p41.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH